

D123

U 8884 AAB

MAHATHIR - PEKERJA R'R'R'

SUNGAI PETANI, 23 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENINGATKAN PENGUSAHA KILANG DAN PEKERJA BAHAWA MALAYSIA TIDAK BOLEH BERGANTUNG KEPADA SISTEM KEUTAMAAN AM SEMATA-MATA KERANA JIKA IA DITARIK BALIK, BARANGAN KELUARAN NEGARA YANG MAHAL TIDAK AKAN DAPAT DIJUAL.

HEHANDANGKAN HAL YANG DEMIKIAN, BELIAU HENGGESA MEREKA SUPAYA TERUS MENINGKATKAN PENGELUARAN DAN MUTU AGAR BARANGAN NEGARA DAPAT DIJUAL DENGAN LEBIH BANYAK KEPADA NEGARA LUAR.

DI SAMPING ITU LANGKAH BERKENAAN JUGA AKAN MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN DAN INI BERHAKNA BARANGAN NEGARA INI AKAN HENJADI MURAH DAN LEBIH HUDAH DIJUAL DI LUAR NEGERI, KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA PEKERJA-PEKERJA KILANG DI BAKAR ARANG, DI SINI, HARI INI.

PERDANA HENTERI HENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT SENTIASA HENKJAJI PEMBERIAN KEHUDAHAN DI BAWAH SISTEM KEUTAHAN AH (GSP) KEPADA SESEBUAH NEGARA, TERMASUK MALAYSIA9 PADA SETIAP TAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA HENGGESA PARA PEKERJA SUPAYA TERUS HEHBERIKAN PERKHIDMATAN YANG HEHUASKAN AGAR HASRAT KERAJAAN UNTUK HENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN TERCAPAI. -- LAGI.

1426MST 23 08 90

D125

U 8885 A A B

MAHATHIR - PEKERJA 2 SUNGAI PETANI R'R'R'

APABILA MALAYSIA HENJADI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN, RAKYAT AKAN HIDUP DENGAN LEBIH BAIK LAGI KERANA JUMLAH PENDAPATAN AKAN TURUT MENINGKAT, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENGULANGI BEBERAPA PERKARA LAIN HENGENAI INDUSTRI DAN PEKERJA DI NEGARA INI, TERMASUK MENINGATKAN PARA PEKERJA AGAR SEGALA MASALAH DIRUNDINGKAN DAHULU DENGAN MAJIKAN UNTUK DISELESAIKAN DAN TIDAK HELAKUKAN SESUATU YANG BOLEH MERUGIKAN NEGARA.

+MOGOK DAN SABOTAJ IALAH TINDAKAN SINGKAT YANG MUNGKIN BERFAEDAH PADA JANGKA MASA PENDEK TETAPI DALAM MASA JANGKA PANJANG MUNGKIN HERUGIKAN APABILA HAJIKAN MENCARI NEGARA LAIN UNTUK MEMBINA INDUSTRI MEREKA, + KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA, PEKERJA MESTI MEMASTIKAN MAJIKAN SENTIASA UNTUNG DAN PEKERJA YANG DAPAT MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG MEMUASKAN AKAN MENERIHA GANJARAN YANG LEBIH TINGGI.

SEBELUH ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAWAT LOJI PEMBERSIHAN AIR PINANG TUNGGAL DAN MENDENGAR TAKLIMAT TENTANG LOJI ITU YANG DISAMPAIKAN OLEH JURUTERA PERUNDING KUMARASIVAM, TAN DAN ARIFFIN SDN BHD, ENCIK MOHSIN MOHD RASHID. -- LAGI.

1430HST 23 08 90

D126

U 8886 AAB

MAHATHIR - PEKERJA 3 SUNGAI PETANI R'R'R'

PROJEK BERHARAGA \$40 JUTA ITU, YANG AKAN MENJAMIN BEKALAN AIR PAIP YANG MENCUKUPI KEPADA LEBIH 1001000 ORANG PENDUDUK DAERAH KUALA MUDA, DIJANGKA SIAP PADA JULAI TAHUN DEPAN. KINI 40 PERATUS DARIPADA LOJI ITU SIAP DIBINA OLEH KONTRAKTOR SYARIKAT MEWAH KOTA.

LOJI ITU AKAN DAPAT MEMBEKALKAN 99 JUTA LITER AIR SEHARI BERBANDING DENGAN SEBANYAK 54 JUTA LITER SEHARI OLEH LOJI LAMA PADA MASA INI.

BEBERAPA KAWASAN YANG BELUM MENDAPAT KEMUDAHAN BEKALAN AIR SEPERTI PANTAI MERDEKA DAN KUALA MUDA AKAN MENIKMATI KEMUDAHAN ITU APABILA LOJI BERKENAAN SIAP. SELAIN ITU, LOJI ITU JUGA AKAN MEMBEKALKAN AIR UNTUK KEPERLUAN KILANG DI BAKAR ARANG, TIKAM BATU DAN SUNGAI PETANI.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI, MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, DATUK SERI S. SAMY VELLU, MENTERI KEWANGAN, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK SERI DA LIM KHENG YAIK, DAN MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF. -- BERNAMA.

1432MST 23 08 90